



**Badrol Hisham (tengah) bersalaman dengan Mohd Zohdi (dua dari kanan) selepas majlis pertemuan di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar, semalam.**

# Kedah salur RM16j bina benteng di pesisir pantai

➔ Langkah atasi masalah air pasang besar di Kuala Muda, Kuala Kedah

Oleh **Zuliaty Zulkiffli**  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

**K**erajaan Kedah memperuntukkan RM16 juta bagi pembinaan benteng di kawasan pesisiran pantai di Kuala Muda dan Kuala Kedah bagi menyelesaikan masalah air pasang besar setiap tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS) untuk membincangkan masalah itu.

Katanya, pembinaan benteng akan dilakukan segera selepas peruntukkan diluluskan Kerajaan Persekutuan.

## Kerugian harta benda

“Perkara ini menjadi isu utama selepas kejadian air laut pasang paling besar tahun ini sehingga mengakibatkan kerugian harta benda penduduk dan melimpah masuk ke dalam sawah menyebabkan kerosakan.

“Kita akan beri keutamaan di Kuala Muda dahulu berikutan kejadian air pasang besar yang dialami ba-

ru-baru ini menyebabkan ramai penduduk berpindah dan mengalami kerosakan harta benda,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas perjumpaan dengan Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mohd Zohdi Saad di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar, di sini, semalam.

## Risiko alami banjir besar

Baru-baru ini, BH melaporkan empat negeri di Pantai Barat iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah berisiko mengalami banjir besar berikutan fenomena air pasang besar luar biasa.

**BUMI  
MAPEX**

**EKSPLO  
HARTA TANAH  
DAN PERUMAHAN**

**7-9  
OKTOBER  
2016**

**PUSAT  
KONVENSyen  
SHAH ALAM  
(SACC)**